

# Pengguna ditakut-takutkan?

**EKSEKUTIF** Bahagian Alam Sekitar Persatuan Pekilang Plastik Malaysia (MPMA), Sri Umeswaran berkata, kempen Hari Tanpa Plastik yang dipraktikkan di beberapa pasar raya besar kini bukanlah satu langkah baik mendidik masyarakat mencintai alam sekitar.

Beliau berkata, maklumat terperinci mengenai penggunaan beg plastik perlu diberikan dan bukannya menakut-nakutkan pengguna.

"Pendirian MPMA adalah jelas berhubung kempen ini di mana kami mengatakan ia bukanlah satu langkah yang bijak. Apa yang dapat dilihat adalah pengguna Malaysia telah dimomokkan dan ditakutkan dengan fakta tidak jelas dan tidak disokong dengan penjelasan dari sudut sains.

"Maklumat yang diperolehi kini hanyalah guna beg plastik bahaya, cemar alam sekitar. Tetapi dalam masa sama pengguna masih memerlukan beg plastik ketika membeli-belah. Walaupun, dikenakan caj 20 sen, pengguna masih bayar, kerana beg plastik memang mustahak," tegasnya.

Melihat kepada hal ini, Sri berkata kempen tersebut se-



SRI UMESWARAN

benarnya masih tidak berjaya sebaliknya menguntungkan pihak pasar raya yang terlibat menyahut program ini.

"Jikalau pada hari biasa pasar raya besar tersebut perlu mengeluarkan beg plastik sebanyak 1,000 tetapi pada Sabtu jumlah tersebut dikurangkan.

"Malah, bertambah untung apabila menjual pula sekeping beg plastik pada harga 20 sen pada pengguna yang terlupa bawa beg sendiri dan amat memerlukan-nya untuk mengangkat barang. Pada Sabtu, mereka boleh mengaut untung dengan cara sebegini," katanya.

Beliau menambah, maksud tersirat di sebaliknya dan ramai pengguna tidak tahu adalah ke mana perginya 20 sen ter-

sebut. Apa yang berlaku adalah pihak pasar raya menggunakan wang tersebut untuk melakukan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka. Jika sebelum ini mereka memperuntukkan wang pengurusan RM20,000 atau RM30,000 untuk CSR tetapi kini menerusi kempen Hari Tanpa Plastik, keuntungan tambahan berjaya dibuat.

Pihak pengurusan pasar raya dan Perdagangan Dalam

Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) sepatutnya mengesyorkan atau mengalu-alukan orang ramai membawa beg plastik sendiri dan memberikan insentif seperti mata ganjaran di mana pengguna dapat menukar mata ganjaran tersebut dengan barang belian atau diskaun 20 sen. Insentif sebegini akan memotivasikan pengguna mengamalkan konsep 'kurangkan, guna semula dan kitar semula.

"Dengan membawa beg plastik sendiri pengguna mengamalkan sikap pengurangan serta penggunaan semula beg plastik yang diperolehi daripada pasar raya tersebut. Pihak pengurusan pasar raya juga harus mendidik pekerja di kaunter cara menyusun barang belian pelanggan lebih cermat yang mana untuk setiap beg plastik tahan lasak mampu mengisi banyak barang sekali gus elak pembaziran," katanya.

Selain itu katanya, apa yang perlu dididik dan didedahkan kepada rakyat adalah tanamkan sikap cintai alam sekitar dengan cara membuang sampah yang betul.

"Bukan buang sampah merata-rata. Jika semua masyarakat Malaysia bertanggungjawab dan membuang sampah pada tempat yang betul, tidak akan berlaku beg plastik masuk ke dalam longkang atau laut. Selain itu, lebih banyakkan program kesedaran kitar semula, katanya.

Tahukah anda?



Bahan plastik memerlukan 100 hingga 500 tahun untuk lupus jika ditanam atau dibakar ia memberi impak lebih besar kepada alam sekeliling termasuk manusia.

- Kajian menunjukkan statistik rakyat Malaysia membuang plastik sebenarnya boleh dikitar semula bernilai kira-kira RM163 juta.

- Di Malaysia, negeri yang telah berjaya mengumumkan Hari Tanpa Plastik adalah Pulau Pinang, Selangor dan Sarawak.

- Penggunaan plastik tidak menjadi masalah utama tetapi cara pelupusan bahan tersebut yang memberi impak pada alam sekitar.

- Secara purata di Malaysia, seorang individu menggunakan hampir lapan beg plastik seminggu dan ada antara mereka membuang beg plastik berkenaan selepas hanya dipakai sekali.

- Beg plastik mengandungi satu bahan yang dikenali sebagai sebatian organik Bis (2-ethylhexyl) phthalate atau lebih dikenali sebagai DEHP atau phthalates (disebut THA-lates), satu bahan yang akan membuatkan bahan plastik menjadi lembut dan mudah dilentur.

- Penyelidik di Universiti Harvard pada 2002 berjaya membuat penemuan baru mengenai kesan kimia phthalates yang mampu merosakkan DNA sperma manusia.

# Bahan mudah urai undang bahaya

"RAMAI kata ganti beg plastik dengan beg kertas, tetapi adakah kita sedar keburukan lain yang timbul. Jika sebelum ini tebang pokok untuk dijadikan kertas tulis, kini terpaksa potong dibuat beg. Bukankah itu merosakkan alam semula jadi?" kata Sri Umeswaran.

Mengulas lanjut, setiap pengeluaran mempunyai tahap penilaian termasuk juga dalam pengeluaran plastik dikenali sebagai Kitaran Penilaian Hayat (Life Circle Assessment).

"Kitaran Penilaian Hayat bagi menilai kelestarian sesuatu barang atau bahan. Contohnya, pengeluaran sesuatu beg, ia dinilai sama ada lebih baik guna beg kertas, plastik, atau biodegradable. Ia dinilai dari segi bahan mentah, berapa tenaga digunakan untuk proses, berapa tenaga digunakan untuk pengangkutan, sehinggalah lupus atau boleh dikitar semula.

"Bagi bahan plastik yang dikenali sebagai jejak karbon, bahan ini paling kurang berbanding beg diperbuat daripada kertas atau kain. Cara penilaiannya adalah, jika 1,000 beg plastik dibandingkan dengan 1,000 beg kertas atau kain, berat beg plastik lebih rendah berbanding dua lagi. Dari segi pengangkutan pula, membawa 10,000 beg plastik hanya memerlukan sebuah lori tetapi untuk dua lagi perlu tiga lori bagi kuantiti serupa, ini telah berlaku pembaziran," jelasnya.

Ternyata beg plastik adalah bahan atau produk mampan dan lestari kerana menjimatkan kesemua aspek dari segi penggunaan tenaga, pengangkutan, ruang, berat, jejak karbon selain boleh dikitar semula.

Menyentuh mengenai cara pelupusan, Sri berkata, ramai mengatakan plastik mengambil masa panjang untuk mengurai. Penjelasan lanjut, kehadiran oksigen dalam keadaan aerobik, hasil penguraian berlaku berbentuk air apabila gas oksigen berkenaan bertindak balas dengan hidrogen. Sekiranya berlaku penguraian, impak ke



Sampah mudah urai seperti kertas juga boleh mencemarkan alam sekitar, bukan bahan plastik sahaja.

atas alam sekitar lebih memudaratkan memandangkan proses tersebut menghasilkan gas lebih berbahaya. Dalam kehadiran oksigen (aerobik) hasil penguraian membentuk air apabila gas oksigen berkenaan bertindak balas dengan hidrogen dan membentuk gas karbon dioksida.

"Ini kerana, bahan organik seperti tumbuhan dan haiwan mengandungi unsur hidrogen dan karbon. Seperti diketahui, gas karbon dioksida adalah gas rumah hijau menyebabkan kemudaran alam sekitar. Lebih parah lagi, apabila proses penguraian berlaku tanpa kehadiran oksigen (anaerobik) yang mana proses berkenaan menyebabkan hidrogen dan karbon bertindak balas seterusnya membentuk gas metana yang lebih mudarat 22 kali berbanding karbon dioksida," jelasnya.

## Dedahkan fakta tepat

Proses penguraian tidak sempurna tidak akan berlaku atau tidak pernah berlaku di mana-mana tapak pelupusan di Malaysia. Ini kerana apabila bahan buangan sampai di tapak pelupusan, ia akan dilakukakan proses memotong dan mengoyak untuk dikitar semula, melainkan barangan yang tidak boleh dikitar semula akan dilupuskan.

"Perlu diketahui, sebelum melalui proses pemprosesan di tapak pelupusan, semua

bahan buangan tidak kira plastik atau bahan mudah urai, selalunya disusun secara bertingkat.

"Bahan di bahagian bawah tidak terkena hujan, tidak terkena cahaya matahari dan akan mengeluarkan gas metana. Melihat kepada keadaan ini, bahaya bukan hanya pada bahan plastik, bahan lain juga mencemarkan alam," tegasnya.

Terdapat pengeluar beg plastik mengeluarkan beg plastik atau bahan mentah mudah urai. Tetapi banyak di negara lain telah membuat kajian membuktikan bahawa walaupun plastik itu mudah urai, ia tidak urai ke tanah, kata Sri.

"Ia urai di angin. Apabila ini berlaku kita akan dapat lebih banyak karbon dioksida dan oksigen berkurangan. Tetapi apa yang berlaku kini, di Malaysia, ramai pengguna percaya guna beg mudah urai selamat, sedangkan sebaliknya kerana fakta tepat tidak didedahkan," katanya.

Sehubungan itu, Sri berkata, MPMA berpendirian sama ada plastik mudah urai atau tidak, apa yang perlu didedahkan adalah mengenai sikap.

"Penekanan terhadap kesedaran sikap masyarakat itu yang perlu diberi perhatian. Kerana sikap suka membuang sampah merata-rata lebih serius mencemarkan alam sekitar berbanding menggunakan beg plastik selain kesedaran kitar semula," katanya.